

14 MAY 2003

Maulidur-Tokoh (Rangkuman) (Bergambar)

SEMBILAN TERIMA ANUGERAH TOKOH MAULIDUR RASUL KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Seorang Pengurus Jururawat wanita adalah antara empat bukan Islam daripada sembilan penerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul Kebangsaan 1424 Hijrah di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, hari ini.

Lim Ai Loon, 53, Pengurus Jururawat di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), dipilih berdasarkan jasa-jasanya kepada masyarakat khususnya dalam meningkatkan taraf kesihatan masyarakat luar bandar.

Anak jati Negeri Sembilan itu, yang berpengalaman 22 tahun dalam bidang kejururawatan, juga aktif dalam aktiviti bengkel, dialog dan forum kesihatan untuk pesakit diabetis.

"Pada pendapat saya, semua rakyat patut buat perkhidmatan yang terbaik untuk membangunkan negara, tak kira apa agama dan latar belakang mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menyampaikan anugerah itu kepada semua tokoh Maulidur Rasul pada majlis sambutan itu, yang disertai kira-kira 10,000 wakil-wakil kementerian, agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, badan korporat, institusi perbankan dan badan bukan kerajaan.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat menghadiri sambutan bertema "Bersama Hayati Keindahan Islam" itu. Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood serta menteri-menteri Kabinet, duta dan perwakilan asing beragama Islam di negara ini.

Seorang lagi penerima bukan Islam, Penolong Penguasa Penjara Thavamany Devapitghini a/l Gopal, 52, berkata program itu perlu diteruskan bagi meningkatkan bilangan orang yang terlibat dalam aktiviti amal selain membawa pandangan positif masyarakat bukan Islam terhadap Islam.

Thavamany yang kini bertugas di Pejabat Pengarah Penjara Kajang sudah berkhidmat 28 tahun dengan Jabatan Penjara dan beliau banyak terlibat dengan aktiviti luar jabatan seperti memberi ceramah dan pendidikan kepada pelajar-pelajar di institusi penjara dan Pusat Serenti.

Beliau turut bertanggungjawab merancang dan memperkenalkan program Masyarakat Terapeutik di institusi penjara dan pusat serenti di seluruh negara pada 1992 yang sehingga kini dapat memulihkan sepenuhnya 500 daripada 803 banduan dan pelatih pusat serenti.

Program itu menyamai konsep membimbing dan memberi nasihat kepada banduan dan tahanan pusat serenti di New York, Amerika Syarikat.

Turut menerima anugerah itu ialah Muhamad Nasir Zakaria, 23, yang menderma sebahagian daripada hatinya kepada kanak-kanak berusia 3 tahun, Mohd Fakhrul Radzi.

Muhammad Nasir, juruteknik Jabatan Operasi Proses Petronas Gas Berhad Kertih, Kemaman, berkata beliau terharu menerima anugerah itu dan berjanji akan terus membantu mereka yang memerlukan selagi beliau terdaya.

Penerima lain anugerah itu ialah Penyelia Detektif Jabatan Narkotik Polis DiRaja Malaysia Sub. Insp Ngaiman Ahmad, Pegawai Bomba Gan Hock Seong, juruteknik Telekom Malaysia Oneng Tobeng, guru agama dan pendakwah Abdul Latif Satharan Abdullah serta Pegawai Sains di Jabatan Kimia Mohamad Salleh Ramli dan Lim Kong Boon,.

Setiap penerima anugerah itu RM2,000, sijil, buku-buku agama dan plak

penghargaan.

Di KOTA KINABALU, seorang lelaki berusia lebih satu abad ialah antara penerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul Sabah tahun ini.

Mandaud Osman, 116, yang menerima anugerah itu daripada Yang Dipertua Negeri Tun Ahmadshah Abdullah, dihargai kerana peranannya dalam menegakkan syiar Islam di negeri itu.

Imam Kampung Cinta Mata di daerah Tenom, kira-kira 179km dari sini, itu berkata ia adalah anugerah Maulidur Rasul ketiga yang diterimanya.

Mengimbas kegiatan dakwahnya dahulu, Mandaud berkata masyarakat sekarang ini agak bertuah kerana proses pendakwahan Islam dapat dilakukan dengan mudah sejajar dengan perkembangan pesat pengetahuan mengenai agama Islam.

Selain Mandaud, penerima lain anugerah itu ialah ahli perniagaan Sandakan Datuk Pengiran Abdul Rahman Datuk Seri Panglima Pengiran Digadong Mohd Galpam, 41, dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau Hasnah Mohd Yaakub, 40.

Setiap penerima anugerah menerima RM3,000, sijil penghargaan dan hadiah iringan.

-- BERNAMA

SHI MK NM NAK